

Buku Panduan Kesedaran Sivik  
Bulan Hak Asasi Manusia Tahun 2020

# Jom Undi 18



# ISI KANDUNGAN

1. Apa itu demokrasi? \_\_\_\_\_ 2
2. Apa itu negara? \_\_\_\_\_ 5
3. Apa itu kerajaan? \_\_\_\_\_ 9
4. Apa itu parti politik? \_\_\_\_\_ 15
5. Siapa menentukan hala tuju negara? \_\_\_\_\_ 17
6. Benarkah semua orang adalah sama \_\_\_\_\_ 22  
di sisi undang-undang?
7. Bolehkah saya mengundi? \_\_\_\_\_ 24
8. Bagaimana memastikan pilihan \_\_\_\_\_ 29  
raya yang bersih?
9. Apakah hak sivil lain yang saya miliki? \_\_\_\_\_ 33
- Rujukan \_\_\_\_\_ 37



A p a i t u  
**DEMOKRASI?**

**M**anusia pernah mengamalkan sistem politik atau tatanegara yang berbeza-beza dalam sejarah. Ideologi dan fahaman pula merupakan asas kepada sistem politik dan ini akan menentukan dasar dan hala tuju sesebuah negara. Dalam masyarakat hari ini, sistem demokrasi dianggap sebagai sebuah sistem politik yang paling umum dan diterima luas dalam dunia.

Demokrasi bererti rakyat mempunyai hak asasi yang sama rata, iaitu berhak menyertai dan membuat keputusan mengenai urusan dan dasar negara. Namun setiap dasar ada kebaikan dan keburukannya, justeru, ada yang menerima dan ada pula yang menolak. Selepas Revolusi Perancis, terlahirlah sistem demokrasi yang berasaskan prinsip kebebasan, keadilan dan persaudaraan, agar keputusan yang dibuat dapat memenuhi kepentingan majoriti yang pada masa yang sama, ia dapat mengelakkan tirani majoriti (*tyranny of the majority*), atau penindasan pemerintah terhadap rakyat selepas mendapat mandat.

Sistem demokrasi mengamalkan konsep pengasingan kuasa yang memisahkan urusan negara kepada tiga cabang utama: Pentadbiran (Eksekutif), Perundangan (Legislatif) dan Kehakiman. Ketiga-tiga cabang kuasa ini saling memastikan semak dan imbang antara satu sama lain bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa.


### **Terperangkap dalam peralihan sistem demokrasi**

Malaysia kini berada dalam peringkat peralihan daripada sistem pemerintahan autokrasi kepada sistem demokrasi. Semasa dalam sistem autokrasi, pemerintah menindas rakyat dan menentukan hal ehwal negara melalui keganasan dan propaganda, menonjolkan kewibawaan dan keupayaan pemerintah bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat. Sejak penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, Barisan Nasional memegang tampuk kuasa dan mendominasi politik negara melebihi separuh abad.

Pada 9 Mei 2018, Malaysia buat julung-julung kalinya menyaksikan pertukaran kerajaan pada pilihan raya umum ke-14 dan memasuki era peralihan sistem demokrasi. Namun, Pakatan Harapan hanya mampu bertahan selama 22 bulan dan seterusnya digantikan dengan Perikatan Nasional. Kuasa rakyat sekali lagi ditindas, negara kita terperangkap dalam proses peralihan ini.



**Apa beza antara  
demokrasi dan autokrasi?**



## **Persoalan**

Dalam kehidupan seharian, kita boleh nampak bahan kempen dan iklan politik di mana-mana. Kadangkala ia muncul di media arus perdana, media sosial ataupun papan iklan di tepi jalan. Sila nyatakan iklan atau slogan politik yang anda ingat, dan kaji maksudnya.

.....



Apa itu  
**NEGARA?**

Sejak hidup bertamadun, manusia mengamalkan cara hidup berkumpulan dan membentuk komuniti tersendiri melalui kepercayaan, nilai, tatacara dan kepentingan yang dikongsi bersama. Apabila bertembung dengan komuniti lain, mereka saling bergabung dan menyatu melalui konflik. Setelah mengalami zaman kesukuan, feudal dan beraja (tribal, feudal and hereditary), konsep negara bangsa (nation-state) kini diamalkan oleh kebanyakan negara moden di dunia.

Negara bangsa merupakan konsep atau bentuk kenegaraan yang menjadikan sesebuah wilayah sebagai satu entiti berdaulat bagi satu-satu bangsa.

Konsep ini mengamalkan satu ketetapan yang seragam, dari segi bahasa dan tulisan, penggubalan undang-undang, sistem pengukuran serta kepercayaan dan agama. Penggunaan bahasa yang sama dan pengaruh budaya membawa kepada asimilasi dalam kalangan penduduk wilayah tersebut, seterusnya mewujudkan kesepaduan sosial dan pengiktirafan sesama sendiri. Dari segi organisasi kerajaan pula, struktur dan jabatan khusus dibentuk bagi mengawal selia pelbagai aspek kehidupan masyarakat terutamanya fungsi pengutipan cukai.

Negara ialah satu entiti politik yang merangkumi empat faktor utama iaitu rakyat, wilayah, kerajaan dan kedaulatan. "Rakyat" boleh menjalankan aktiviti di "wilayah" yang tertentu, menyertai dan menentukan dasar awam dalam wilayah tersebut. Namun "kerajaan" yang memegang kuasa sebenar untuk merangka dan melaksanakan dasar awam. "Kedaulatan" pula ialah kekuasaan tertinggi dalam negara dan merupakan satu hak eksklusif untuk menguasai wilayah itu sepenuhnya tanpa campur tangan luar.

### Empat faktor utama bagi sebuah negara



## *Apa itu negara?*

Menurut falsafah politik, sistem negara pada dasarnya dibahagikan kepada sistem republik dan sistem monarki, sistem negara kesatuan dan persekutuan. Disebabkan faktor sejarah, setiap negara masing-masing mempunyai sistem tersendiri, yang termaktub dalam perlembagaan atau undang-undang.

### **Negara kita ialah negara raja berperlembagaan dan persekutuan**

Sebagai contoh, negara kita ialah negara majmuk yang berbilang kaum. Selagi anda memegang kewarganegaraan Malaysia, maka anda merupakan "bangsa Malaysia" atau warga Malaysia.


Negara kita mengamalkan sistem raja berperlembagaan dan persekutuan. Hal ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai asas dan undang-undang tertinggi negara kita.

Di bawah sistem ini, Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai penaung kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman secara simbolik. Perlembagaan memperuntukkan Agong sebagai ketua negara dengan prinsip memerintah tetapi tidak mentadbir (Reigns but does not rule) dan menjalankan pemerintahan atas nasihat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri.

Pemilihan Agong dilakukan oleh Majlis Raja-Raja setiap lima tahun mengikut peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sembilan Raja-Raja Melayu (Raja dan Sultan) dari negeri-negeri beraja mempunyai hak memilih dan dipilih sebagai Agong.

Sistem persekutuan pula menyatakan bahawa negara kita terdiri daripada 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan. Kesemua negeri ini membentuk Persekutuan Malaysia dan mempunyai autonomi masing-masing. Setiap negeri memiliki raja atau Yang di-Pertua Negeri (ataupun gabenor) dan undang-undang tubuh, yang menetapkan pembahagian kuasa di peringkat negeri.

## Sistem raja berperlembagaan



**Ciri-ciri:** Agong memerintah tanpa mentadbir, eksekutif dan perundangan saling bertindih, kehakiman bebas.

## Persoalan

Negara kita mempunyai masyarakat yang berbeza agama, budaya dan cara hidup. Kita sering kali mendengar pertelingkahan dan konflik yang berlaku antara komuniti yang berlainan dalam kehidupan harian atau menerusi paparan media. Tidak kira tahap percanggahan itu serius ataupun ringan, kita masih dapat mengekalkan hubungan kemasyarakatan sesama kita. Pada pendapat anda, apakah nilai dan semangat yang menjalinkan hubungan kemasyarakatan sesama warga Malaysia?

-----



Apa itu  
**KERAJAAN?**

**P**ercampuran kuasa antara parti politik dan kerajaan sering kali menjadi isu dalam sistem autokrasi. Apabila sesebuah parti memerintah dan mengawal kerajaan, tanggungjawab utama kerajaan - iaitu pembangunan negara - akan dipengaruhi oleh kepentingan parti.

Oleh itu, kekeliruan sering berlaku antara peranan negara dan kerajaan. Kerajaan yang terdiri daripada institusi pentadbiran, perundangan dan kehakiman, hanyalah sebahagian daripada pembentukan negara. Negara sifatnya berkekalan, melainkan ia ditakluk atau bergabung dengan negara lain. Namun, kerajaan pula hanya bersifat sementara dan akan berubah sekiranya berlaku pertukaran rejim.

Agong selaku ketua negara ialah simbol yang mewakili negara. Manakala kerajaan mempunyai ketua kerajaan yang memegang tampuk kuasa untuk mentadbir negara. Namun sistem ini mungkin berbeza mengikut negara. Peranan dan tanggungjawab ketua negara dan ketua kerajaan adakalanya bertindih, dan adakalanya pula berasingan.

Di bawah kerajaan, institusi negara diasingkan kepada bahagian pentadbiran, perundangan dan kehakiman dan mempunyai fungsi masing-masing. Bahagian pentadbiran mengurus hal ehwal pentadbiran kerajaan dan melaksanakan dasar negara. Bahagian perundangan pula mengendalikan penggubalan undang-undang dan semak imbang institusi pentadbiran. Manakala kehakiman bertanggungjawab untuk urusan ketetapan dan penghakiman undang-undang, serta merungkai masalah perundangan.

### **Pertindihan antara pentadbiran dan perundangan**

Di negara kita, Jemaah Menteri merupakan institusi pentadbiran manakala Parlimen ialah institusi perundangan. Manakala institusi kehakiman pula terdiri daripada Mahkamah Persekutuan dan peringkat mahkamah yang lain.

Malaysia mengamalkan sistem Westminster di mana ketiga-tiga cabang kuasa tidak diasingkan secara keseluruhan. Walaupun cabang eksekutif dan perundangan mempunyai pertindihan di tempat-tempat tertentu, tetapi berlaku saling semak imbang antara satu sama lain. Ahli Jemaah Menteri mesti terdiri daripada ahli Parlimen.

### Organisasi parlimen



Kebiasaannya parti yang memiliki majoriti perwakilan dalam Dewan Rakyat di Parlimen akan mencalonkan ketua parti sebagai Perdana Menteri yang merupakan ketua kerajaan. Kemudian Agong akan melantik barisan Jemaah Menteri iaitu menteri kabinet dan timbalan menteri berdasarkan senarai nama yang diberi oleh Perdana Menteri. Menteri-menteri perlu mematuhi keputusan yang dicapai dalam kabinet atas prinsip tanggungjawab secara kolektif.

Parlimen Malaysia terdiri daripada dua bahagian iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Dewan Negara mempunyai 70 orang ahli yang bergelar senator. Seramai 26 daripada 70 senator tersebut dipilih melalui pengundian oleh Dewan Undangan Negeri, membabitkan dua senator bagi setiap negeri manakala empat ahli lagi dilantik daripada wilayah persekutuan. Seramai 40 lagi senator pula dilantik oleh Agong atas cadangan Perdana Menteri tanpa mengira negeri asal mereka.

Seseorang senator perlu berumur 30 tahun ke atas, dan tempoh jawatannya ialah selama 3 tahun dan dia hanya boleh dilantik semula sekali sahaja, sama ada secara berturut-turut ataupun tidak. Keputusan pemilihan Dewan Rakyat atau pilihan raya umum tidak akan mempengaruhi penggal seseorang senator. Pengerusi Dewan Negara dipilih dalam kalangan senator dan digelar sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Beliau bertanggungjawab mengawasi perjalanan mesyuarat supaya berjalan dengan lancar dan membuat keputusan mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat sekiranya berlaku perselisihan. Sekiranya Yang di-Pertua Dewan Negara tidak dapat menjalankan tugas, maka Timbalan Yang di-Pertua akan menjadi pemangku.



Dewan Rakyat pula mempunyai seramai 222 orang ahli Dewan Rakyat atau ahli parlimen. Mereka dipilih oleh rakyat Malaysia melalui pilihan raya umum. Bagi parti atau gabungan parti yang memenangi lebih daripada separuh kerusi parlimen, iaitu sekurang-kurangnya 112 kerusi, maka parti tersebut akan menjadi kerajaan.

Untuk menjadi seorang ahli Dewan Rakyat, seseorang itu mesti berumur 18 tahun ke atas dan tempoh jawatan adalah tidak melebihi lima tahun untuk satu penggal. Dia boleh kehilangan jawatan tersebut apabila Dewan Rakyat dibubarkan. Namun begitu, seseorang ahli parlimen boleh mendapat mandat rakyat semula melalui pilihan raya umum.

Perdana Menteri boleh menasihati Agong supaya membubarkan dewan bagi mengadakan pemilihan Dewan Rakyat semula melalui pilihan raya umum. Setelah dewan dibubar, pilihan raya umum wajib diadakan dalam tempoh 60 hari, manakala Dewan Rakyat harus bersidang semula dalam tempoh 120 hari.

Dewan Rakyat dipengerusikan oleh speaker yang bergelar Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang merupakan ketua parlimen. Beliau boleh dipilih daripada kalangan ahli Dewan Rakyat mahupun bukan ahli Dewan Rakyat yang mempunyai kelayakan. Tugas speaker adalah sama dengan Pengerusi Dewan Negara dan tugasnya boleh dipikul oleh timbalannya apabila speaker tidak dapat menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Sementara itu, ada beberapa faktor yang menyebabkan seseorang hilang kelayakan daripada menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen, iaitu jikalau seseorang tersebut tidak sempurna akal; belum lepas daripada bankrap; memegang suatu jawatan yang berpendapatan; disabit kesalahan dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2000 dan dia tidak mendapat pengampunan bebas; atau memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan. Perlu diingat, calon kerusi Parlimen akan hilang kelayakan untuk bertanding sekiranya gagal membayar wang deposit.

Sistem kehakiman negara kita terdiri daripada dua peringkat iaitu mahkamah atasan dan mahkamah rendah. Mahkamah rendah termasuklah mahkamah majistret dan mahkamah seksyen, manakala mahkamah atasan adalah Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.


## Apa itu kerajaan?

Ketua Hakim Negara ialah ketua Mahkamah Persekutuan yang berada di kedudukan tertinggi dalam sistem kehakiman Malaysia. Ketua Hakim Negara dilantik oleh Agong atas nasihat Perdana Menteri dan tempoh jawatan hanya akan berakhir setelah mencapai umur 66 tahun.

Peguam Negara turut memainkan peranan penting dalam sistem kehakiman Malaysia iaitu sebagai penasihat undang-undang kepada kerajaan dan juga Pendakwa Raya Malaysia. Peguam Negara mempunyai kuasa budi bicara yang mutlak untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan, selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera. Berbeza dengan Ketua Hakim Negara, lantikan Peguam Negara tidak tertakluk kepada syarat persaraan wajib setelah mencapai umur 66 tahun.



## Badan Kehakiman



## Persoalan

Negara kita mengamalkan sistem raja berperlembagaan. Pentadbiran, perundangan dan kehakiman ialah institusi yang berbeza dalam kerajaan. Sila nyatakan jabatan dan unit kerajaan yang anda pernah berurusan dalam kehidupan seharian, dan ceritakan pengalaman tersebut.

-----



Apa itu  
**PARTI**  
**POLITIK?**

Selain kerajaan dan negara, perbezaan antara struktur parti politik dan kerajaan juga merupakan hal yang agak mengelirukan. Parti politik ialah sebuah organisasi berstruktur yang terdiri daripada sekumpulan individu yang memperjuangkan objektif atau fahaman politik demi sesuatu kepentingan, keperluan atau tuntutan. Agenda utama parti politik adalah untuk membentuk kerajaan supaya memperoleh kuasa memerintah. Ini dicapai dengan memenangi pilihan raya atau melalui jalan revolusi. Dengan ini mereka dapat merealisasikan ideologi parti dalam dasar negara.

Kedua-dua sistem autokrasi dan demokrasi yang berpilihan raya membenarkan aktiviti parti politik dijalankan. Tugas parti politik selalunya tertumpu kepada penyebaran ideologi dan fahaman parti serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap parti agar mendapat sokongan masyarakat. Sewaktu pilihan raya, calon-calon parti politik akan bersaing untuk menang bagi merebut kuasa memerintah. Pihak yang menang bergelar parti pemerintah dan boleh membentuk kerajaan. Pihak yang kalah pula menjadi parti pembangkang dan berperanan memastikan semak dan imbang dalam pelaksanaan dasar kerajaan. Kebanyakan ahli politik menyertai parti politik supaya layak bertanding dan mendapatkan kuasa yang lebih besar.

Politik perkauman adalah antara ciri utama dalam politik Malaysia dan masih menjadi asas kepada penubuhan parti politik negara kita sehingga ke hari ini. Parti-parti lama seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno), Persatuan Cina Malaysia (MCA) dan Kongres India Se-Malaysia (MIC) antara parti politik berasaskan kaum yang pernah memegang kuasa paling lama dalam sejarah Malaysia.

Selain itu, satu lagi ciri parti politik di negara kita adalah bergabung sebelum pilihan raya sebagai satu blok untuk mendapat mandat secara kolektif. Sebagai contoh, Umno, MCA dan MIC telah menubuhkan gabungan Perikatan pada tahun 1951. Perikatan berjaya menang besar dalam pilihan raya pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955. Kemudian pada tahun 1973 gabungan ini dibesarkan sehingga menjadi Barisan Nasional dan kekal memerintah kerajaan persekutuan sehingga 2018.

Bertentangan dengan parti berasaskan kaum, parti berbilang kaum telah membuka penyertaan kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan lain-lain lagi.

Selain parti politik, badan bukan kerajaan (NGO) juga merupakan organisasi yang aktif dalam sistem demokrasi. NGO biasanya ditubuhkan oleh sekumpulan individu yang mempunyai kepentingan atau objektif bersama dalam sesuatu isu, dengan tujuan untuk mempengaruhi dasar dan pelaksanaan kerajaan bagi memperjuangkan kepentingan masyarakat. NGO tidak bermotifkan kuasa tetapi bertujuan menyampaikan tuntutan, advokasi isu-isu awam, serta mengusahakan kemajuan masyarakat. Selalunya NGO menjadi rakan kerjasama untuk parti pembangkang supaya kedua-dua pihak dapat melakukan semak dan imbang kepada kerajaan.



Siapa menentukan hala  
**TUJU NEGARA?**

Sistem demokrasi dibahagikan kepada demokrasi berperwakilan dan demokrasi langsung. Demokrasi berperwakilan bererti rakyat memilih perwakilan institusi perundangan melalui pilihan raya yang boleh menggunakan kuasa dalam dewan perundangan. Manakala demokrasi langsung ialah rakyat boleh membuat keputusan terhadap dasar tertentu secara langsung.

Sistem Westminster yang diamalkan dalam negara kita adalah demokrasi berperwakilan. Dengan erti kata lain, rakyat memilih ahli Dewan Rakyat sebagai perwakilan untuk turut serta dalam menentukan dasar awam negara dan masyarakat. Ahli parlimen diberi kekebalan dan keistimewaan untuk menyuarakan sebarang pendapat terhadap mana-mana isu di Parlimen tanpa rasa gusar atau dikecam. Hanya Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang boleh memanggil dan menyoal kenyataan seseorang ahli parlimen. Namun ahli parlimen dilarang mempertikai isu-isu tertentu dan tidak boleh mengeluarkan kenyataan yang menggugat atau mengguling kedudukan Agong atau mana-mana raja.

Mana-mana Majlis Parlimen boleh menggubal sebarang rang undang-undang (RUU). Tetapi RUU berkaitan perbekalan dan kewangan adalah terhad kepada Dewan Rakyat sahaja. Semua RUU perlu diluluskan sehingga bacaan kali ketiga di Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Untuk bacaan kali pertama, menteri berkenaan akan membentangkan RUU di Parlimen. Seterusnya ahli parlimen akan berbahas dan bertanyakan soalan dalam bacaan kali kedua sebelum mengundi. Kemudian mereka membuat pengundian sekali lagi terhadap RUU tersebut pada bacaan kali ketiga. Kebanyakan undang-undang hanya memerlukan sokongan majoriti mudah untuk diluluskan, iaitu separuh daripada jumlah ahli parlimen yang hadir. Namun, dalam beberapa keadaan, majoriti dua pertiga adalah diperlukan, seperti dalam hal-hal berkaitan pindaan perlembagaan. Parlimen mempunyai 222 kerusi, majoriti dua pertiga adalah sebanyak 148 kerusi.

### **RUU perlu dilulus oleh kedua-dua Dewan Parlimen**

Akhirnya, RUU akan dipersembahkan kepada Agong untuk mendapatkan perkenan diraja dalam tempoh 30 hari. Sekiranya baginda tidak bersetuju, RUU tersebut akan dikembalikan ke parlimen untuk dikaji semula dan pindaannya akan dipersembahkan semula kepada Agong untuk diperkenankan dalam tempoh 30 hari lagi. Setelah tempoh itu, rang undang-undang tersebut


## *Siapa menentukan hala tuju negara?*

dianggap telah diluluskan sebagai undang-undang yang boleh berkuat kuasa, meskipun jika baginda masih tidak bersetuju. Undang-undang ini hanya akan berkuat kuasa setelah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

Terdapat juga situasi yang jarang berlaku, apabila Dewan Negara menolak RUU yang telah diluluskan di Dewan Rakyat, maka RUU tersebut perlu ditangguh selama setahun, sebelum boleh diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat. Ketika itu, Dewan Negara tidak boleh menolak RUU tersebut dan perlu dipersembah kepada Agong untuk diperkenankan. Contohnya seperti Rang Undang-undang Anti-berita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018, Dewan Rakyat telah meluluskan RUU ini dengan bacaan kali ketiga pada Ogos 2018 namun ditolak oleh Dewan Negara. Itu merupakan kali pertama keadaan sedemikian berlaku. Setelah setahun kemudian, Dewan Rakyat meluluskan RUU ini pada Oktober 2019 dan kemudian diluluskan secara automatik di Dewan Negara, dan diperkenankan oleh Agong seterusnya diwartakan. Maka akhirnya Akta Anti-berita Tidak Benar berjaya dimansuhkan.



## Proses pengubalan undang-undang di Parlimen



### Ciri-ciri:

1. Kedua-dua dewan parlimen boleh membentangkan rang undang-undang. Namun Dewan Negara tidak boleh mengemukakan rang undang-undang yang berkenaan dengan isu perbekalan dan kewangan.
2. Dewan Rakyat mempunyai 222 kerusi, dua pertiga majoriti bersamaan dengan 148 kerusi.
3. Seandainya Dewan Negara menolak rang undang-undang yang diluluskan di peringkat Dewan Rakyat, rang undang-undang tersebut perlu menunggu selama setahun, baru boleh dibentangkan semula.
4. Rang undang-undang akan diperkenankan oleh Agong dan diwartakan dalam Warta Kerajaan. Jikalau Agong menolak, rang undang-undang tersebut masih akan diwartakan secara automatik setelah tempoh 30 hari.

## **Persoalan**

Setiap ahli parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) mewakili kawasan masing-masing di peringkat persekutuan dan negeri. Mereka juga ialah wakil rakyat dalam jabatan pentadbiran dan perundangan. Sila nyatakan kawasan parlimen atau DUN anda, nama wakil rakyat dan parti politiknya. Seterusnya ceritakan pengalaman anda dengan wakil rakyat tersebut.

---

## **Persoalan**

Bagi setiap dasar negara, pasti ada pihak yang menyokong dan yang membantah. Sila nyatakan dasar dan polisi negara yang anda bersetuju dan tidak bersetuju, serta berikan contoh bagaimana anda menyuarakan pendapat anda sendiri terhadap dasar tersebut.

---



Benarkah semua  
orang adalah

**SAMA DI SISI  
UNDANG-UNDANG?**

Undang-undang ialah sebuah sistem peraturan yang menggariskan tatakelakuan dan tata tertib di dalam sesebuah masyarakat. Ia berfungsi melindungi hak asasi rakyat, mengekalkan ketenteraman masyarakat dan menghakimi penjenayah. Negara kita mengamalkan sistem dwi-perundangan iaitu undang-undang am dan undang-undang syariah. Undang-undang am mempunyai bidang kuasa umum manakala undang-undang syariah hanya terpakai kepada hal ehwal orang Islam.

Dari segi politik, penggunaan undang-undang merujuk kepada prinsip kedaulatan undang-undang (rule of law), iaitu kerajaan dan rakyat keseluruhannya terikat dan wajib mematuhi undang-undang. Keadilan undang-undang amat bergantung kepada kebebasan badan kehakiman. Jabatan-jabatan kehakiman perlu menjalankan perbicaraan berdasarkan undang-undang, bebas daripada pengaruh pentadbiran dan perundangan, dan tidak terlibat dalam pertikaian politik.

### **Sama rata di sisi undang-undang**

Pada tahun 1988, berlaku peristiwa yang mengancam kebebasan kehakiman negara iaitu Krisis Perlembagaan Malaysia. Perdana Menteri pada masa itu, Dr Mahathir bin Mohamad membentangkan dan meluluskan beberapa pindaan perlembagaan di Parlimen untuk melemah dan melucutkan "kuasa perundangan persekutuan" daripada mahkamah, dan badan kehakiman hanya mempunyai kuasa berdasarkan apa yang diizinkan di Parlimen. Kemudiannya, Ketua Hakim Negara ketika itu Tun Mohamad Salleh Abas dan dua hakim besar dipecat atas alasan "salah laku" yang menyebabkan Mahkamah Persekutuan tidak dapat beroperasi dengan baik.

Namun atas prinsip kesamarataan di sisi undang-undang, kedudukan ahli politik dan rakyat marhaen adalah sama apabila dibawa ke muka pengadilan. Mahkamah juga perlu menjalankan perbicaraan dan prosiding dengan adil dan bebas. Perlembagaan pula mengamalkan prinsip anggapan tidak bersalah, iaitu setiap orang yang dituduh dengan kesalahan jenayah mempunyai hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang. Pihak pendakwaan bertanggungjawab mengemukakan bukti jenayah dan hakim perlu mematuhi batasan undang-undang apabila menggunakan bukti tersebut dalam proses perbicaraan.

Sekiranya mana-mana pihak tidak berpuas hati dengan penghakiman mahkamah, mereka berhak membuat rayuan. Namun, mahkamah turut mempunyai kuasa untuk menolak rayuan dan Mahkamah Persekutuan merupakan forum rayuan terakhir dan mempunyai kuasa pengadilan yang muktamad.

“Bolehkah saya  
**MENGUNDI?**”



## *Bolehkah saya mengundi?*

Pada Julai 2019, Parlimen meluluskan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menurunkan had umur minimum untuk menjadi pengundi dan menjadi calon pilihan raya, iaitu daripada 21 ke 18 tahun, selain pendaftaran pengundi yang akan dilakukan secara automatik. Kini, anda yang sudah mencapai umur 18 tahun dan berhak untuk mengundi buat pertama kali.

Namun demikian, sebelum anda layak untuk menjadi seorang pengundi, anda perlu melayari laman web Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) terdahulu untuk menyemak dan mengenal pasti kawasan, daerah dan pusat mengundi anda. Setiap kawasan parlimen dan DUN mempunyai banyak pusat mengundi. Apabila tiba di pusat mengundi, pengundi akan membuang undi di saluran masing-masing mengikut peringkat umur. Kebiasaannya pusat mengundi disediakan di sekolah, dewan orang ramai, stadium dan lain-lain lagi.

Pada hari mengundi, pengundi perlu membawa kad pengenalan sebagai pengesahan kelayakan untuk mengundi. Orang ramai haruslah berpakaian kemas dan dilarang memakai sebarang pakaian atau hiasan yang mempunyai logo parti sewaktu memasuki pusat mengundi.

Selepas itu, ketika memasuki tempat mengundi, anda akan nampak tiga orang Kerani Pengundian (KP) yang duduk semeja. Seterusnya ialah Ejen Tempat Mengundi (ETM) dan diikuti dengan Ketua Tempat Mengundi (KTM) yang berhadapan dengan tiga KP. Petak mengundi dan peti undi lutsinar pula terletak di tengah-tengah bilik.

### **Langkah mengundi:**

Pertama sekali, serahkan MyKad atau dokumen pengenalan dan slip semakan kepada KP1. Tunjukkan tangan untuk diperiksa bagi memastikan tiada calitan dakwat kekal pada jari.

Kedua, KP1 akan membaca maklumat anda di dalam buku daftar pemilih supaya ejen tempat mengundi dapat mengesahkan maklumat tersebut.

Ketiga, KP2 akan membantu anda mencelupkan hujung jari telunjuk anda ke dalam dakwat kekal. Tunggu nama anda dipanggil.

Kemudian, KP3 akan menandakan cop pada kertas undi sebelum diberikan kepada anda. Sekiranya anda mengundi di wilayah persekutuan, anda hanya akan mendapat satu kertas undi sahaja iaitu kertas undi parlimen. Kalau anda ialah pengundi di negeri lain, anda mempunyai dua kertas undi iaitu kertas undi parlimen dan DUN.


Keempat, maju ke petak undi dan tandakan X pada ruang calon di dalam kertas undi anda. Kemudian masukkan kertas undi ke dalam peti undi untuk kerusi DUN dan Parlimen. Atas prinsip undi adalah rahsia, anda dilarang menggunakan telefon bimbit dan merakam gambar semasa mengundi, atau mempamerkan kertas undi anda dengan apa jua cara.

Kertas undi mempunyai nombor siri, nama calon dan logonya. Sekiranya kertas undi koyak, diconteng, dipangkah melebihi satu calon atau membuat sebarang tanda sehingga undi tidak lagi sulit atau tiada pangkah X dalam ruang yang disediakan, maka kertas undi itu dianggap undi rosak yang tidak dikira dalam pengiraan undi. Jikalau kertas undi mempunyai kecacatan, anda boleh minta untuk menukar kertas undi dengan segera.

Tempat mengundi akan ditutup setelah tempoh mengundi tamat. KTM akan meletakkan buku daftar pemilih, baki kertas undi dan kertas undi yang rosak ke dalam sampul surat sebelum memeterai peti undi. KTM dan Ejen Mengira Undi (EMU) akan sama-sama menandatangani pelekat keselamatan peti undi yang telah dimeterai.

Seterusnya adalah peringkat pengiraan undi. Pihak-pihak yang menjalankan proses pengiraan undi termasuk KTM, KP dan EMU bagi setiap calon. Proses mengira undi dimulakan. EMU akan memeriksa peti undi yang dimeterai. Kemudian KTM akan membuka dan mengeluarkan kertas undi dan diletakkan ke dalam dulang "undi belum kira". KP akan membuat pengiraan bilangan kertas undi dan memaparkan setiap helaian kertas undi kepada EMU sambil meneriakan simbol calon. Jika tiada bantahan, kertas undi akan dimasukkan ke dalam dulang calon yang berkaitan.

## Proses pengundian





### Cara memangkah undi dengan betul

MUTHU		
RAMLEE		
ALI		
BENG KEAT		
SITI		

## Persoalan

Mengundi merupakan salah satu cara bagi rakyat menyatakan pendapat terhadap dasar awam. Sila nyatakan perkembangan sejarah pilihan raya negara kita dan temu bual ahli keluarga anda mengenai pengalaman mereka semasa mengundi pertama kali.

---

## Persoalan

Secara umumnya, peratusan keluar mengundi untuk golongan muda adalah agak rendah. Mereka berpandangan bahawa mengundi tidak lebih hanyalah proses memilih antara dua pihak yang sama-sama teruk. Pada pilihan raya umum yang lepas, muncul kempen boikot mengundi dan kempen undi rosak. Bagi anda, adakah dengan mengundi, anda sudah pun menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pengundi? Sila fikir dan bahas tajuk ini daripada sudut yang berbeza.

---

Bagaimana  
memastikan  
pilihan raya yang  
**BERSIH?**



**B**eli undi, pengundi hantu atau 'blackout' (gangguan bekalan elektrik) ialah istilah-istilah yang akan muncul di media sosial setiap kali menjelang pilihan raya. Namun sebenarnya dalam proses mengundi dan pengiraan undi, parti politik dan NGO akan menghantar PACABA mereka untuk menyelia dan mengurangkan risiko penipuan undi.

PACABA merupakan akronim kepada tiga peranan iaitu Polling Agents/Ejen Tempat Mengundi (PA), Counting Agents/Ejen kira undi (CA), dan Barung Agent/Ejen Barung (BA).

Bagi Ejen Tempat Mengundi (PA), mereka perlu bergilir-gilir menyelia proses pengundian di Tempat Mengundi, seperti memastikan tiada pengundi yang membuang undi lebih daripada sekali, atau mengenal pasti identiti pengundi yang tidak sah. Mereka bertanggungjawab menjaga kepentingan calon.

Bagi Ejen kira undi (CA), mereka perlu menyemak dan mengesahkan pengiraan undi setelah pusat pengundi ditutup. Setiap calon boleh melantik CA sendiri.

Peranan Ejen Barung (BA) pula adalah untuk memerhatikan pengenalan pengundi yang dikeluarkan oleh SPR setelah pusat pengundi dibuka, dan membawa pengundi ke tempat mengundi masing-masing.

Selain PACABA, sewaktu tempoh berkempen dan hari mengundi, NGO tempatan dan luar juga akan memantau proses pilihan raya seperti kempen Pemantau yang dilancarkan oleh Bersih 2.0. Kebiasaannya PACABA ialah sekumpulan sukarelawan yang telah dilatih untuk menjadi "penjaga gol" semasa musim pilihan raya. Sekiranya sebarang salah laku dikesan, mereka boleh mengemukakan bantahan atau melaporkan kepada SPR untuk mengurangkan risiko penipuan.

Untuk memastikan keadilan dalam proses pengundian, SPR telah menyediakan beberapa borang dan prosedur pengesahan yang perlu diikuti, antaranya seperti berikut:

**BORANG 11** digunakan sebagai rekod perbezaan maklumat identiti. Sekiranya PA mengesan identiti pengundi yang meragukan, seperti pengundi yang telah membuang undi atau gagal menunjukkan kad pengenalan, PA boleh mengisi borang 11.

## *Bagaimana memastikan pilihan raya yang bersih?*

BORANG 13 adalah penyata kertas undi. Ia mencatatkan bilangan kertas undi yang diterima dari pusat mengundi dan bilangan yang dikeluarkan kepada pengundi, serta bilangan kertas undi rosak.

SPR 757 ialah borang catatan bilangan pengesahan kertas undi. Sebelum pengiraan undi, kerani pengundian akan mengenal pasti bilangan kertas undi dalam peti undi terdahulu dan mencatatkan bilangan tersebut dalam SPR 757 dengan ejen kira undi. Sekiranya bilangan yang dicatat dalam SPR 757 melebihi catatan di Borang 13, bererti peti undi mempunyai lebih kertas undi iaitu "undi hantu". Pegawai SPR perlu mengenal pasti dan memusnahkan undian tersebut. Sekiranya tidak, ejen kira undi boleh mengisi borang bantahan.

SPR 764 pula ialah penyata Awal Pengiraan Undi. Borang ini akan merekod jumlah undian bagi setiap calon. Sekiranya perbezaan undian kurang daripada 4%, ejen kira undi boleh meminta untuk pengiraan semula dilakukan. Setelah semua pihak berpuas hati, barulah KTM akan mencatatkan rekod SPR 764 dalam Borang 14.

BORANG 14 ialah penyata rasmi pengundian selepas pengiraan undi. Ia perlu ditandatangani oleh KTM dan ejen kira undi untuk tujuan keabsahan. Sekiranya borang itu tiada tandatangan KTM atau calon tiada salinan borang tersebut, maka keputusan pilihan raya tersebut tidak boleh dicabar di mahkamah sekiranya berlaku pertikaian kelak. Setelah siap pengiraan undi dan pengisian Borang 14, keputusan undian dalam peti undi tersebut adalah muktamad. Pendek kata, semua keputusan pilihan raya adalah berdasarkan Borang 14.

Namun demikian, pilihan raya di negara kita masih mempunyai banyak permasalahan dan kelemahan. Antara isu yang paling serius ialah persempadanan semula kawasan pilihan raya (gerrymandering) yang tidak adil, dan kerajaan sementara (caretaker) yang bersifat berat sebelah.

Persempadanan semula bermaksud memanipulasi dan mengubah persempadanan kawasan pilihan raya untuk kepentingan sesebuah parti. Sebagai contoh, jumlah pengundi kawasan parlimen di Selangor pada Pilihan Raya Umum (PRU) tahun 2018, Sabak Bernam mempunyai 40,863 orang pengundi, manakala Bangi pula sebanyak 178,790 orang. Ini bermakna nilai sekeping kertas undi di Sabak Bernam bersamaan dengan empat keping kertas undi di Bangi.

Kerajaan sementara pula merujuk kepada sebuah kerajaan yang menjaga pentadbiran awam secara sementara bagi tempoh selepas Parlimen dibubarkan sehinggalah sebuah kerajaan baru dibentuk selepas PRU. Kerajaan sementara perlu bersikap neutral dan tidak berpihak, dilarang membuat sebarang dasar berkepentingan atau meluluskan peruntukan yang berjumlah besar, atau menyalahgunakan sumber kerajaan bagi tujuan berkempen.

Namun apa yang berlaku adalah kerajaan sementara melanggar prinsip tidak berpihak semasa pilihan raya berlangsung kerana fenomena percampuran kuasa antara parti politik dan kerajaan.

Sebagai pengundi, kita boleh menawarkan diri sebagai PACABA dan menuntut pilihan raya yang bersih dan adil, supaya suara rakyat dapat didengari dan agenda rakyat diutamakan.

---

## **Persoalan**

Isu penipuan pilihan raya sering dibangkitkan pada PRU yang lepas di negara kita. Sila kumpul dan semak kenyataan-kenyataan yang berkaitan sama ada benar atau tidak, dan nyatakan kesimpulan dan cara anda menyemaknya.

---

“Apakah  
**HAK SIVIL LAIN**  
yang saya miliki”



Selain memilih wakil rakyat melalui undi, anda juga boleh menjadi seorang warga masyarakat sivil yang progresif bagi menentukan hala tuju dasar awam negara kita.

Hak dan kebebasan asasi manusia terkandung dalam perkara 5 ke 13 dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu Perkara 5 Kebebasan diri; Perkara 6 Keabadian dan kerja paksa dilarang; Perkara 7 Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan perbicaraan berulang; Perkara 8 Kesamarataan; Perkara 9 Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak; Perkara 10 Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan; Perkara 11 Kebebasan beragama; Perkara 12 Hak berkenaan dengan pendidikan; dan Perkara 13 Hak terhadap harta.

Dalam perkara 10, setiap warganegara Malaysia menikmati kebebasan bercakap, berhimpun secara aman dan bebas berpersatuan. Perlembagaan menjamin bahawa rakyat boleh memperoleh maklumat secara bebas dan berhak menyampaikan pandangan terhadap dasar awam. Jika bertemu dengan rakan yang sama pendirian dan pemikiran dengan anda, anda bolehlah berpersatuan dan berkumpul untuk menyuarakan tuntutan sendiri.

Walau bagaimanapun, negara kita masih mempunyai banyak undang-undang yang menyekat hak asasi rakyat. Hal ini menyebabkan masyarakat lebih sukar untuk menyertai dan membuat keputusan terhadap hal ehwal negara. Antaranya ialah Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Perhimpunan Awam 2012 dan lain-lain lagi.

### **Mendalami demokrasi**

Selain itu, Perkara 105 dalam perlembagaan juga memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat jika keselamatan, kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam negara terancam. Akta darurat yang ditetapkan boleh mengecualikan kebebasan asasi rakyat kecuali kebebasan agama.

Negara kita kini masih berada dalam proses peralihan kepada sistem demokrasi. Kita perlu mendalami prinsip demokrasi dan hal ini memerlukan usaha daripada setiap rakyat Malaysia. Walaupun kita sudah mempunyai sistem pilihan raya, kebebasan bersuara dan peluang untuk mendemokrasikan negara, kita masih perlu memastikan sistem ini lebih bersih dan adil, mendukung ruang kebebasan bersuara yang lebih terbuka dan berusaha mendalami semangat demokrasi.

## Apakah hak sivil lain yang saya miliki?

Tidak kira betapa kacau bilau pun situasi politik negara kita, krisis politik yang berlaku ialah satu sesi pembelajaran demokrasi yang membantu kita untuk lebih memahami dan menghargai semangat demokrasi dan kedaulatan undang-undang. Bagi anda yang sudah mencapai umur 18 tahun, jom kita undi!

### Hak dan kebebasan asasi



Kebebasan diri



Keabadian dan kerja paksa dilarang



Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuat kuasa ke belakang dan percabangan berulang



Kesamarataan



Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak



Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan



Kebebasan beragama



Hak berkenaan dengan pendidikan



Hak terhadap harta



## **Persoalan**

Sejak tahun 1995 hingga kini, internet dan laman web semakin berkembang menjadi platform untuk membincangkan dan membahaskan hal ehwal negara. Pada masa yang sama, semakin banyak kenyataan yang bersifat diskriminasi dan berniat jahat muncul di media sosial. Sila nyatakan pemerhatian anda terhadap kenyataan negatif yang terdapat di media sosial pada masa kini, dan fikirkan cara untuk menanganinya.

-----



Buku

- 图解政治学（五南出版）
- 图解政治学修订版（易博士出版）



Laman Web

- Perlembagaan Persekutuan Malaysia
- Wikipedia
- Malaysiakini
- Oriental Daily



# Buku Panduan Kesedaran Sivik Bulan Hak Asasi Manusia Tahun 2020

---

## Penyunting

颜志杰 Gan Zhi Jie

黄彦铭 Wong Yan Ke

谢治婷 Cha Zhi Ting

黄康伟 Oung Kang Wei

## Pereka Grafik

郭忠民 Kok Zhoong Min

## Tarikh Penerbitan

10hb Disember 2020

## Penerbit

Pemuda Dewan Perhimpunan China  
Kuala Lumpur dan Selangor (DPCKLS)  
Youth Section of Kuala Lumpur and  
Selangor Chinese Assembly Hall  
(KLSCAH Youth)


Alamat: 1, Jalan Maharajalela,  
Kampung Attap,  
50150 Wilayah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

Tel: 603-2274 6645

Fax: 603-2272 4089

Web: <https://youth.klscah.org.my>

E-mel: [klscahyouth@gmail.com](mailto:klscahyouth@gmail.com)





**YOUTH.KLSCAH**

## **Penaja**

Selangor Exco YB Ng Sze Han  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan,  
Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru

Ahli Parlimen Bukit Bintang YB Fong Kui Lun